

Harga minyak dunia terjejas

Loji bahan api Arab Saudi diserang pemberontak, subsidi harga runcit di Malaysia tetap sama

Oleh Mohd Husni
Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan insiden serangan dron oleh pemberontak Yaman di loji minyak milik Arab Saudi akan memberi kesan kepada harga minyak dunia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap memberi subsidi bagi harga runcit bahan api di Malaysia biarpun harga minyak dunia naik.

"Di Malaysia, bila harga minyak dunia naik, kita masih beri subsidi," katanya selepas menyaksikan pertandingan akhir kejohanan *The Putrajaya Boat Race* (TPBR) 2019 kategori universiti lelaki di sini, semalam.

Ditanya sama ada kerajaan akan semak semula harga runcit bahan api terutama RON95 dan diesel susulan insiden itu, Dr Mahathir berkata, harga runcit bahan api di Malaysia antara paling rendah di dunia.

"Tapi kalau *you* (wartawan) nak saya semak, saya akan semak," katanya ketika menjawab pertanyaan wartawan.

Agensi berita dunia kelmarin melaporkan pemberontak Yaman melakukan serangan dron ke atas dua loji minyak milik Aramco di Abqaiq dan Khurais di timur Arab Saudi.

Susulan serangan itu, Arab Saudi menggantung sementara pengeluaran di



HARI :

ISNIN

TARIKH :

16/9/2019

M/SURAT :

30C